

MPHTJ perbandaran paling mampan di Malaysia

Mohamd Fazrul Abdul Majid

PUTRAJAYA – Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) sekali lagi dinobatkan sebagai penerima Anugerah Bandar Mampan Kategori Perbandaran bagi Tahun 2021.

Penganugerahan itu disampaikan bersempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia tahun 2022 di Putrajaya di sini, pada 8 November lalu.

MPHTJ meraih tempat ketiga di antara 127 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negara yang menyertai anugerah tersebut, sekali gus diiktiraf sebagai PBT Perbandaran Paling Mampan di Malaysia.

Anugerah itu diraih hasil usaha pembangunan persekitaran kehidupan



ZAIDI (tengah) bersama warga kerja MPHTJ bergambar selepas menerima anugerah berkenaan sempena sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2022 di Putrajaya.

yang mampan khususnya melibatkan kawasan pentadbiran Hang Tuah Jaya.

Kejayaan itu melayak-

kan MPHTJ menerima wang tunai RM3,000, trofi dan sijil penghargaan.

Anugerah itu telah

disampaikan Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Datuk

M Noor Azman Taib kepada Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, Datuk Zaidi

Atan dan diiringi Yang Dipertua MPHTJ Datuk Shadan Othman.

Untuk rekod, pengukuran Bandar Mampan di Malaysia dilaksanakan berasaskan kerangka MURNInets yang mengandungi lima strategi, enam dimensi, 20 tema dan 39 penunjuk yang dibentuk berdasarkan dasar pembangunan utama negara berkaitan dengan ekonomi, sosial dan fizikal.

Pelaksanaan MURNInets itu disertai 127 Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan di Malaysia yang dipilih atas penilaian bandar mampan.

Manakala sebanyak 94 penyertaan pula, diterima melalui kategori individu, komuniti dan PBT untuk Anugerah Kejiranan Hijau.